



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Accountant General's Department Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-882 1000
Faks: 603-882 1042
Laman Web: www.anm.gov.my
E-mel (E-mail): wselamah@anm.gov.my

No. Rujukan : ANM/ POPA/ SPP/ 3/ 4(28)
Tarikh : **30** Disember 2015

**PERBELANJAAN MENGURUS
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2016**

Adalah dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2016 telah diluluskan mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi Perbelanjaan Mengurus seperti berikut :

- | | | |
|-----|---|--------------------------|
| i) | Perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan (seperti dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2016) | RM51,776,244,000 |
| ii) | Perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 2016 ke atas Kumpulan Wang Disatukan (seperti dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2016) | RM163,447,756,000 |

2. Kementerian/ Jabatan boleh melakukan perbelanjaan masing-masing seperti anggaran yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.


Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi & Integriti Merealisesi Perakaunan Akruan"

(DATU' HJ CHE PEE BIN SAMSUDIN)
Akauntan Negara Malaysia

Agihan kepada :

Ketua Audit Negara
Semua Pegawai Pengawal



**MENTERI KEWANGAN II
MALAYSIA**

**AKTA PROSEDUR KEWANGAN, 1957
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2016**

KK/BPB(8.03)202/15/9A/2016

Akauntan Negara Malaysia,
Putrajaya

Mengikut subseksyen (2) dan (3) Seksyen 13 Akta Prosedur Kewangan 1957, dengan ini saya memberi kuasa dan menghendaki tuan mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 2016 sebanyak yang tersebut di bawah ini dan menggunakan wang itu bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran perbelanjaan seperti yang tersebut di dalam Jadual Pertama yang disertakan bersama-sama ini, iaitu Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2016 dan memasukkan kira-kira ke dalam Kira-kira Hasil Disatukan:

- (a) Jumlah sebanyak tidak lebih daripada **lima puluh satu bilion tujuh ratus tujuh puluh enam juta dua ratus empat puluh empat ribu ringgit (RM51,776,244,000)** sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan;
- (b) Jumlah sebanyak tidak lebih daripada **satu ratus enam puluh tiga bilion empat ratus empat puluh tujuh juta tujuh ratus lima puluh enam ribu ringgit (RM163,447,756,000)** sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 2016.

Dan dengan yang demikian, surat kuasa ini berserta dengan kira-kira dan pengesahan-pengesahan yang betul adalah menjadi kuasa penuh bagi tuan.

Saya turunkan tandatangan pada **28 DEC 2015**

**DATU' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
MENTERI KEWANGAN II**

Perbendaharaan Malaysia
Putrajaya